

Perkhidmatan awam kukuh kerjasama rentas sektor untuk keselamatan menyeluruh

Julai 19, 2022 @ 7:25pm



Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali berjabat tangan dengan peserta persidangan pada majlis penutup Persidangan Keselamatan Negara 2022 (PKN22) yang bertemakan 'Keselamatan Negara, Tanggungjawab Bersama' hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Perkhidmatan awam harus bersedia memperkukuh kerjasama merentas pelbagai sektor dalam negara dalam pelaksanaan Keselamatan Menyeluruh dan Pengurusan Keselamatan Berasaskan Komuniti, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata peranan pegawai daerah, pegawai jajahan dan residen amat penting untuk menggerakkan kerjasama antara jentera kerajaan dan rakyat melalui perancangan program dan aktiviti yang membabitkan komuniti.

Beliau berkata elemen Keselamatan Menyeluruh dan Pengurusan Keselamatan Berasaskan Komuniti perlu diperkasakan pelaksanaannya agar dapat diterjemahkan dalam seluruh aspek tadbir urus negara, baik di peringkat persekutuan, negeri atau daerah dan yang paling utama di peringkat komuniti.

"Perkara ini harus dijadikan langkah ke hadapan dalam apa juga perancangan dan penyampaian perkhidmatan awam, bagi memastikan Malaysia mempunyai rakyat yang berdaya tahan tinggi dalam berhadapan apa juga cabaran sewaktu aman dan khususnya sewaktu krisis," katanya.

Mohd Zuki berkata demikian pada majlis penutup Persidangan Keselamatan Negara 2022 di sini hari ini anjuran Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Persidangan bertemakan "Keselamatan Negara, Tanggungjawab Bersama" itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sebelah pagi.

Persidangan itu diadakan sempena sambutan Bulan Keselamatan Negara 2022 yang bertujuan mewujudkan satu platform libat urus komprehensif membabitkan pelbagai pihak dalam pengurusan keselamatan negara selari dengan hasrat untuk memperkasakan pengurusan keselamatan negara.

"Kapasiti dan kompetensi mengendali situasi keselamatan pada masa hadapan menuntut kita sentiasa mempertingkatkan kesiapsiagaan berhadapan dengan situasi krisis yang kritikal kepada nyawa dan harta benda," kata Mohd Zuki.

Mohd Zuki berkata konsep keselamatan menyeluruh yang diperkenalkan kerajaan mencerminkan kepentingan setiap pihak dalam mengambil tanggungjawab bersama untuk memelihara kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

"Saya ingin memohon agar jentera kerajaan di peringkat daerah mahupun jajahan dan residen perlu sentiasa mempersiapkan kesiagaan berhadapan risiko serta cabaran keselamatan di tempat masing-masing.

"Para penghulu, pegawai dan ahli perkhidmatan awam yang berinteraksi langsung dengan rakyat di lapangan harus memahami mekanisme-mekanisme pengurusan keselamatan setiap masa," katanya.

Mohd Zuki juga mahu ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan dan setiausaha kerajaan negeri untuk memahami Dasar Keselamatan Negara dan komponen yang relevan dengan fungsi kementerian dan agensi masing-masing.

"Adalah menjadi satu kewajipan bagi setiap ketua jabatan untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi organisasi masing-masing, agar persiapan menghadapi sebarang situasi ancaman keselamatan, dapat dihadapi dengan lancar," katanya.

Mohd Zuki berkata amanat perdana menteri bahawa keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama seluruh Keluarga Malaysia harus dijadikan keutamaan dan menggalas amanah serta tanggungjawab itu bagi memastikan negara kekal berdaulat, aman dan sejahtera.

"Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa konsep Keluarga Malaysia yang digagaskan kerajaan amat signifikan dan mempunyai hubung kait yang penting dengan konsep keselamatan negara," katanya.

– BERNAMA